

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

MUHD ZUHAIRI BIN SHUKOR


bertajuk

**CADANGAN MENGUBAHSUAI REKABENTUK DALAMAN
UNTUK BILIK PAMERAN ASTON MARTIN DI 130, JALAN RAJA ABDULLAH,
KAMPUNG BARU, 50300 KUALA LUMPUR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:



Pn. Ramlah binti Awi 08/04/09

Koordinator Kursus

:

Pn. Mawar binti Masri

Koordinator Program

:

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa bin Abd. Rashid

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman untuk peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan mengubahsuai rekabentuk skema baru bagi Edgware Auto Sdn. Bhd. yang berlokasi di 130, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur. Dengan terhasilnya ruang pameran yang baru ini adalah diharapkan bahawa ia dapat menaiktarafkan lagi imej Aston Martin dan memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua-dua ruang luaran dan dalaman untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij ruang pameran tersebut. Beberapa penyelidikan telah di jalankan bagi menjayakan projek akhir ruang pameran ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian , kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian-kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses rekabentuk, dengan tujuan mendapatkan satu rekabentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat Aston Martin sama ada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep tiada sempadan dan imej mudah, bergaya dan berkilat juga diterapkan untuk mendapatkan satu imej yang baru, sesuai dan dapat ditonjolkan di dalam rekaan serta bersesuaian dengan identiti Edgware Auto Sdn. Bhd.

| | |
|-----------------------------|------|
| Abstrak | i |
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iv |
| Senarai Gambar | viii |
| Senarai Rajah | xi |
| Senarai Jadual | xiii |
| Senarai Lampiran | xiv |
| Senarai Singkat Kata | xv |

KANDUNGAN

BAB 1 | PENGENALAN I

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 1.1 | PENGENALAN PROJEK | 1 |
| 1.1.1 | Definisi Pusat Pameran | 2 |
| 1.1.2 | Sejarah Pusat Pameran | 3 |
| 1.1.3 | Jenis-Jenis Pusat Pameran | 4 |
| 1.1.4 | Pengenalan dan Sejarah Aston Martin | 5 |
| 1.2 | MATLAMAT | 7 |
| 1.3 | OBJEKTIF | 8 |
| 1.4 | METODOLOGI | 9 |
| 1.5 | ISU | 15 |
| 1.6 | SKOP KAJIAN | 16 |
| 1.7 | HALANGAN KAJIAN | 17 |
| 1.8 | KEPENTINGAN KAJIAN | 18 |

BAB 2 | KLIEN I

| | | |
|-----|------------------------|----|
| 2.1 | LATAR BELAKANG KLIEN | 19 |
| 2.2 | CARTA ORGANISASI | 20 |
| 2.3 | VISI DAN MISI SYARIKAT | 21 |
| 2.4 | IMEJ KORPORAT KLIEN | 22 |

BAB 3 | KAJIAN DAN ANALISA I

| | | |
|-------|--|----|
| 3.1 | ANALISA TAPAK | 23 |
| 3.1.1 | Pengenalan kepada Tapak | 23 |
| 3.1.2 | Pelan Kunci | 24 |
| 3.1.3 | Pelan Lokasi | 25 |
| 3.1.4 | Pelan Tapak | 26 |
| 3.1.5 | Orientasi Matahari dan Arah Tiupan Angin | 27 |
| 3.1.6 | Bangunan Persekitaran | 28 |
| 3.2 | ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA | 34 |
| 3.2.1 | Lokasi | 34 |
| 3.2.2 | Struktur Bangunan | 38 |
| 3.3 | RINGKASAN PENEMUAN | 40 |

BAB 4 | KAJIAN KES I

| | | |
|-------|--|----|
| 4.1 | KAJIAN KES 1 | 42 |
| 4.1.1 | Volkswagon Sdn. Bhd. | 43 |
| 4.1.2 | Ruang Dalaman | 44 |
| 4.1.3 | Susunatur Ruang | 46 |
| 4.1.4 | Aliran Pergerakan di dalam Bilik Pameran | 51 |
| 4.1.5 | Rekabentuk Dalaman | 53 |
| 4.1.6 | Pencahayaan | 53 |
| 4.2 | KAJIAN KES 2 | 54 |
| 4.2.1 | Mercedes-Benz (Ipoh Motor Sdn. Bhd.) | 54 |
| 4.2.2 | Ruang Dalaman | 54 |
| 4.2.3 | Susunatur Ruang | 58 |
| 4.2.4 | Aliran Pergerakan di dalam Bilik Pameran | 63 |
| 4.2.5 | Rekabentuk Dalaman | 66 |
| 4.2.6 | Pencahayaan | 66 |



ASTON MARTIN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Objektif utama projek ini ialah mengubahsuai senibina dalaman ruang pameran Aston Martin untuk Edgware Auto Sdn. Bhd., bertempat di 130, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur. Projek ini dipilih untuk merekabentuk ruang pameran mengikut kehendak klien. Cabaran yang perlu diambil ialah dari segi pemilihan warna, bahan, kemasan dan rekabentuk yang dihasilkan mesti berimejkan sesuatu yang baru dan memenuhi kriteria-kriteria klien. Rekabentuk ruang yang dicadangkan perlu berdasarkan imej korporat, misi dan visi syarikat ini. Selain itu, ruang pameran ini mesti mempunyai konsep yang kuat agar pengguna dapat merasa suasana menepati imej syarikat ini. Di samping itu, rekabentuk yang dihasilkan akan memberi kesan positif kepada kualiti para pekerja dan secara tidak langsung dapat menarik perhatian pengunjung.

Cabaran dalam merekabentuk ruang pameran ini ialah mencari jenis-jenis alatan yang dapat membantu pameran dan cara untuk menarik minat pelanggan mendapatkan informasi tentang model yang mereka minati. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di pusat pameran ini, beberapa permasalahan telah dikenalpasti, antaranya ialah ruang pameran yang terhad untuk tiga model sahaja pada satu masa dan tiada papan tanda utama yang memudahkan pengunjung. Ruang pameran tersebut perlu lebih mencirikan sesebuah pusat pameran memandangkan bangunan tersebut pada asalnya ialah sebuah banglo yang mana kebanyakan ruangnya lebih mencirikan ruang kediaman terutamanya ruang dapur dan tandas. Kesimpulannya, projek ini dapat merealisasikan kehendak klien dan mempunyai imej, suasana dan rekabentuk yang melambangkan teknologi, kekuatan dan kehebatan syarikat permotoran ini di mata dunia.